

APLIKASI MODUL TAZKIYAH AL-NAFS DALAM PEMBANGUNAN ROHANI DI KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

(The Application of the Module of Tazkiyah al-Nafs in the Spiritual Development Among Students of Universiti Malaysia Pahang)

Mohd. Suhardi Mat Jusoh*, Hadijah Ahmad and Anita Abdul Rani

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

ABSTRACT – The study on the usability Exercise Module of Tazkiyah Al-Nafs (MLTN) is a preliminary study to assess the application of spiritual development among students in Universiti Malaysia Pahang (UMP). The objective of the study is to identify the level of acceptance of this module among the participants, analyze the effectiveness of this module application and to assess the impact on the application of Exercise Module of Tazkiyah Al-Nafs in the aspect of improvisation. This exploratory study gathers the spiritual program exercise reflection and face to face interview with 15 participants who had to participate in the exercise program consistently. Inductive analysis has been conducted to answer the study aims such as what, why, and how as aligned with the qualitative nature. The overall findings indicate this module is accepted among the participants with two-element of effectiveness which is the consistency of the practice on Tazkiyah al-Nafs and the involvement of the teacher as guides in the spiritual exercise. This study recommends the consistency of the implementation of spiritual exercise programs to assess the impact on the module for further improvisation. In a nutshell, this module is desirable for the application on the spiritual development of students because the Islamic practice can uplift the value of quality spiritual among participants.

ABSTRAK – Kajian kebolegunaan Modul Latihan Tazkiyah al-Nafs (MLTN) merupakan satu kajian rintis untuk menilai sejauhmana modul ini dapat diaplikasi dalam program pembangunan spiritual pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penerimaan modul ini dalam kalangan peserta, menganalisis elemen keberkesanan aplikasi modul serta menilai impak pelaksanaan program latihan Tazkiyah al-Nafs dalam aspek penambahbaikan modul. Kajian ini berbentuk penerokaan (exploratory research) iaitu data-data kajian telah diperolehi melalui laporan refleksi program latihan spiritual serta kajian temubual secara bersemuka dengan 15 orang peserta yang mengikuti modul latihan ini secara konsisten. Data-data kualitatif yang diperolehi telah dianalisis secara induktif bagi menjawab soalan-soalan kajian apakah, bagaimanakah dan sejauhmanakah dalam konteks kajian kualitatif. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan modul ini dapat diterima dalam kalangan peserta dan dua elemen utama keberkesanan modul yang dikenal pasti adalah konsistensi amalan tazkiyah al-nafs dalam kalangan peserta serta penglibatan guru sebagai mursyid dalam latihan spiritual. Dalam aspek penambahbaikan modul, kajian ini menyarankan agar program latihan spiritual dapat dilaksanakan secara berterusan bagi menilai impak pelaksanaan modul latihan ini. Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa modul ini amat sesuai untuk diaplikasikan dalam program pembangunan spiritual pelajar masa kini kerana setiap amalan keislaman yang dipraktikkan telah dapat mempertingkatkan nilai kualiti spiritual setiap diri peserta.

ARTICLE HISTORY

Received: 12 April 2020

Revised: 27 April 2020

Accepted: 9 June 2020

KEYWORDS

Tazkiyah al-nafs

Exercise Module

Guide (Mursyid)

Spiritual Development

PENGENALAN

Ketamadunan masyarakat yang baik adalah bermula dari pembangunan kemanusiaan dalam aspek luaran dan dalaman secara seimbang. Aspek luaran adalah berkaitan dengan pembangunan fizikal, sementara aspek dalaman adalah berhubung dengan spiritual. Dalam konteks pembangunan diri dan jiwa, aspek dalaman iaitu spiritual lebih ditekankan kerana ianya berhubung secara langsung dengan persoalan dan perubahan hati (Faizatul Najihah et.al. 2015). Daripada perubahan hati, ianya menyentuh pula hal pemikiran dan emosi sehinggalah kepada perubahan tingkah laku sama ada positif atau negatif. Berikutan itu, amalan tazkiyah al-nafs seperti yang dikehendaki oleh agama merupakan suatu metod transformasi hati ke arah yang lebih baik, daripada sifat hati yang kotor kepada sifat hati yang baik dan murni. Dalam memenuhi tujuan ini, salah satu mekanisme tazkiyah al-nafs yang dapat dilaksanakan adalah dengan melaksanakan ke semua taklif suruhan agama atau amalan salih secara konsisten serta menepati antara keperluan lahir dan batin (Zakaria

Stapa, 2001). Konsistensi pula diperlukan sebagai salah satu elemen yang dapat mengukur keberhasilan proses tazkiyah al-nafs kerana faktor kecelaan tingkah laku seseorang adalah berpunca dari hati yang tidak konsisten dalam melawan pengaruh hawa nafsu dan syaitan sehingga mengakibatkan hatinya dikuasai oleh nafs al-ammarah (Norfadilah et.al. 2014). Untuk konsisten pula, seseorang disarankan supaya dapat mengadakan latihan spiritual (*dawrah ruhiyyah*) dalam suatu tempoh masa tertentu agar kualiti spiritualnya dapat ditingkatkan ke suatu tahap yang lebih tinggi. Sekiranya hal ini dapat dilakukan, semestinya makna tauhid dan keimanan dalam hati seseorang menjadi semakin kukuh dan dengan itu, dia akan dianugerahi kejernihan fikiran dan emosi (Sa'id Hawwa, 1997).

Melihat kepada pentingnya pelaksanaan latihan spiritual dalam konteks pembangunan diri seseorang, maka satu bentuk model latihan spiritual yang holistik perlu dibangunkan agar ia dapat diaplikasi dalam program latihan pembangunan spiritual masa kini dan sebagai impaknya, tahap pencapaian spiritual seseorang dapat dinilai berdasarkan pelaksanaan program tersebut. Di atas tujuan ini, maka kajian ini telah membangunkan modul latihan tazkiyah al-nafs berasaskan dimensi amalan musyaratah, muraqabah, mujahadah, muhasabah dan mu'aqabah sebagai salah satu mekanisme tazkiyah al-nafs menurut disiplin ilmu tasawwuf (Sa'd Hawwa, 1995). Kelima - lima dimensi amalan ini dapat mengukur tahap pencapaian diri dalam aspek konsistensi setiap amalan tazkiyah al-nafs berdasarkan satu skala yang telah ditetapkan (Mohd.Suhardi, 2018). Dengan ini, kajian ini secara tidak langsung telah menyumbang satu idea yang sangat bermakna dalam aspek penilaian pembangunan latihan kerohanian masa kini. Sebagai kajian rintis, objektif utama kajian dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti sejauhmana tahap penerimaan modul ini dalam kalangan peserta program pembangunan latihan spiritual dan seterusnya, menilai elemen keberkesanan aplikasi modul serta impak pelaksanaan program latihan pembangunan spiritual dalam kerangka penambahbaikan modul ini agar ia dapat memenuhi keperluan latihan pembangunan spiritual masa kini seperti yang dihasratkan dalam kajian – kajian lepas.

Tinjauan Literatur

Aspek keagamaan memainkan peranan yang cukup besar dalam pembangunan spiritual kerana ia dapat membentuk tingkah laku, tindakan dan keputusan seseorang. Perkara ini bertepatan dengan sifat agama yang menjadi salah satu keperluan spiritual yang sentiasa mendampakan kebahagiaan dan ketenangan jiwa (Zidni Nuran et.al. 2017). Sehubungan itu, pembangunan spiritual yang berteraskan agama meletakkan suatu garis sempadan yang jelas dalam menentukan tindakan dan perilaku luaran seseorang antara perkara yang betul dan salah. Secara tidak langsung juga, spiritual yang bersih akan menghantar mesej yang positif iaitu rasa dan ilham ke arah mencintai kebenaran dan menolak kejahatan (Sharon Lee, 2009). Sehubungan itu, terdapatnya kajian–kajian lepas dan terkini yang mengakui bahawa penglibatan agama adalah saling diperlukan dalam meningkatkan kesihatan mental dan spiritual terutamanya dalam mengurangkan gejala-gejala negatif seperti depression, substance abuse dan suicide. (Raphael M. Bonelli et. al. 2013). Begitu juga, elemen–elemen keagamaan sangat diperlukan dalam mencegah perilaku seseorang individu yang bersifat delinquency (Finney, et.al, 1985). Dalam aspek pekerjaan, elemen spiritualiti didapati berupaya mencegah perilaku penyelewengan dan negatif dalam sesebuah organisasi (Aminah Ahmad et.al. 2014). Dengan itu, elemen spiritual yang berteraskan agama merupakan unsur dalaman yang mampu mempengaruhi seseorang individu yang bermasalah kerana ia mampu mencipta makna dan kepercayaan dalam diri manusia (Khairul Hamimah et.al. 2014).

Melalui sorotan beberapa dapatan kajian di atas, dapat dibuktikan dengan jelas tentang keperluan agama dan spiritual dalam mempertingkatkan nilai kualiti spiritual seseorang individu. Walaubagaimana pun, didapati tidak terdapat banyak data emperikal yang dapat menjelaskan secara holistik mekanisme latihan spiritual berasaskan agama dalam kerangka pembangunan kualiti spiritual seseorang individu. Ini kerana proses pembangunan spiritual berasaskan agama merupakan suatu latihan untuk melaksanakan tuntutan agama yang selari dengan tuntutan keimanan kepada Allah S.W.T. dengan meletakkan aspek spiritual agar sentiasa berhubung secara positif dengan pencipta-Nya dan sesama manusia (Nur Khamim, 2016). Selain itu, nilai taqwa merupakan elemen terpenting dalam latihan spiritual seseorang berasaskan agama (Majhabeen Ahmad, 2016). Namun begitu, bagi sesetengah sarjana Barat, spiritual dan keagamaan adalah sesuatu yang tidak sama, akan tetapi kedua-dua perkara tersebut sangat berkaitan (Che Zarinna, 2017). Justeru, kajian ini merupakan suatu kajian rintis untuk melihat sejauhmana model latihan pembangunan spiritual Islam yang dibangunkan dapat mengukur serta menilai pencapaian diri dalam aspek pendidikan kerohanian atau spiritual.

Model Latihan Tazkiyah al-Nafs


Dalam bidang kesufian Islam, pendidikan spiritual dikenali sebagai *tazkiyah al-nafs* dan ia merujuk kepada empat pembangunan elemen utama kerohanian manusia iaitu *al-ruh*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-nafs* (Faizatul Najihah et.al. 2015). Ini bermakna proses pembangunan spiritual melalui pendekatan *tazkiyah al-nafs* merupakan suatu bentuk latihan spiritual yang berterusan ke arah pembersihan jiwa dari sifat – sifat yang tercela melalui satu mekanisme khusus sehingga al-nafs tersebut dapat disembuhkan daripada pelbagai penyakit spiritual dalam usaha menerbitkan perilaku yang positif (Zakaria Stapa, 2001). Secara jelas, keperluan mengadakan latihan spiritual (*dawrah ruhiyyah*) adalah berdasarkan hadis Nabi S.A.W. yang berikut;

“Barangsiapa yang melakukan solat di masjid secara berjemaah selama 40 hari dan dia tidak pernah ketinggalan satu rakaah pun dari solat Isya’, maka Allah pasti akan membebaskannya dari api neraka.”

(Riwayat Ibn Majah)

Hadis Nabi S.A.W. di atas secara jelas menunjukkan tentang perlunya seseorang mengikuti latihan spiritual (*dawrah ruhiyyah*) dalam suatu jangka masa tertentu bagi mempertingkatkan nilai kualiti spiritualnya (Sa'id Hawwa, 1997). Sehubungan itu, di antara mekanisme latihan spiritual yang dapat dilaksanakan adalah dengan melaksanakan secara

bersungguh-sungguh setiap amalan keislaman melalui dimensi amalan *musyaratah*, *muraqabah*, *mujahadah*, *muhasabah* dan *mu'aqabah* seperti yang diperkenalkan dalam disiplin ilmu tasawwuf (Sa'id Hawwa,1995). Kelima-lima dimensi tahap amalan ini ditunjukkan seperti dalam rajah yang berikut;



Rajah 1. Model Latihan Tazkiyah al-Nafs

Berdasarkan model latihan tazkiyah al-nafs di atas, tahap musyaratah mengkehendaki agar seseorang menetapkan syarat- syarat tertentu agar dirinya melakukan amalan- amalan yang membawa kepada penyucian jiwanya (Sa'id Hawwa,1995). Dalam konteks ini, senarai amalan *tazkiyah al-nafs* dapat disenaraikan seperti yang berikut;

Jadual 1. Senarai amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap Musyaratah

NO.	MUSYARATAH AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	MINGGU 1 (7)							MINGGU 2 (14)							MINGGU 3 (21)							MINGGU 4 (28)							
		J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	
1.	Solat Fardhu Subuh (Awal Waktu /B) - 10																													
2.	Solat Fardhu Zuhur (Awal Waktu /B) - 8																													
3.	Solat Fardhu Asar (Awal Waktu / B) - 8																													
4.	Solat Fardhu Mahgrib (Awal Waktu /B) - 8																													
5.	Solat Fardhu Isya' (Awal Waktu / B) - 9																													
6.	Tahajjud (2 Rakaat) - 7																													
7.	Taubat Nasuha (Sebelum Tidur) - 8																													
8.	Solat Sunat Fajar (2 Rakaat) - 6																													
9.	Solat Sunat Dhuha (2 Rakaat) - 3																													
10.	Solat Sunat Witr (1 Rakaat) - 2																													
11.	Tafakkur (Waktu Fajar) - 3																													
12.	Tilawah Al-Quran (Waktu Fajar) - 3																													
13.	Tadabbur Al-Quran (Waktu Mahgrib) - 3																													
14.	Zikrullah 1 (100 X Kalimah Tauhid) - 3																													
15.	Zikrullah 2 (100 X Istighfar) - 3																													
16.	Zikrullah 3 (100 X Solawat) - 3																													
17.	Khidmat Masyarakat - 2																													
18.	Sedekah / Infaq - 3																													
19.	Mengingati Mati (Sebelum Tidur) - 2																													
20.	Puasa Sunat (Isnin / Khamis) - 6																													
	JUMLAH (100)																													

Secara khusus, amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu amalan fardhu (1-5), amalan sunat *mu'akkad* (6 – 10) dan amalan sunat (11-20). Dalam konteks penilaian latihan *tazkiyah al-nafs*, setiap amalan keislaman ini ditandai dengan markah tertentu dan markah keseluruhan amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap ini adalah 100 markah. Markah yang diperoleh di tahap ini akan dijadikan ukuran penilaian diri di tahap *muraqabah*, *mujahadah*, *muhasabah* dan *mu'aqabah*.

Selepas *musyaratah*, tahap yang berikutnya adalah *muraqabah* iaitu suatu keadaan yang menuntut agar seseorang melaksanakan setiap amalan ketaatan dengan penuh ikhlas, menyempurnakannya, menjaga adab serta memeliharanya dari pelbagai kecacatan kerana dia meyakini bahawa dirinya sedang diawasi oleh Allah S.W.T. , yang menjaga dirinya di setiap masa dan tempat (Sa'id Hawwa,1995). Dalam aspek pencapaian diri, tahap penilaian *muraqabah* dinilai berdasarkan markah keseluruhan amalan keislaman di tahap *musyaratah* seperti ditunjuk dalam jadual yang berikut;

Jadual 2. Skala penilaian amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap Muraqabah

MARKAH	GRED	PENCAPAIAN MURAQABAH	
		90 – 100	5
80 – 89	4	SANGAT BAIK Amalan <i>Muraqabah</i> anda dapat dilaksanakan pada tahap tinggi.	
60 – 79	3	BAIK Amalan <i>Muraqabah</i> anda dapat dilaksanakan pada tahap sederhana.	
50 – 59	2	LULUS Amalan <i>Muraqabah</i> anda dapat dilaksanakan pada tahap rendah.	
0 – 49	1	GAGAL Amalan <i>Muraqabah</i> anda dapat dilaksanakan pada tahap yang sangat rendah.	

Setelah *muraqabah*, tahap yang berikutnya adalah *mujahadah* iaitu suatu keadaan yang menuntut agar seseorang benar-benar dapat memperbaiki prestasi ibadat dalam usaha memantapkan keimanan kepada Allah S.W.T. dengan melaksanakan segala bentuk kewajipan yang telah ditentukan ke atas dirinya (Sa'id Hawwa, 1997). Dalam menilai pencapaian diri di tahap ini, satu skala penilaian telah dibina seperti ditunjukkan dalam jadual yang berikut;

Jadual 3. Skala penilaian amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap Mujahadah

MARKAH	GRED	PENCAPAIAN MUJAHADAH AL-NAFS	
		90 – 100	5
80 – 89	4	SANGAT BAIK Tahap <i>Mujahadah al-Nafs</i> Anda adalah Tinggi	
60 – 79	3	BAIK Tahap <i>Mujahadah al-Nafs</i> Anda adalah sederhana.	
50 – 59	2	LULUS Tahap <i>Mujahadah al-Nafs</i> Anda adalah rendah	
0 – 49	1	GAGAL Tahap <i>Mujahadah al-Nafs</i> Anda adalah sangat rendah	

Tahap yang berikutnya adalah *muhasabah* iaitu suatu keadaan seseorang perlu melihat dan menilai hasil usahanya sendiri dalam bentuk modal, untung dan rugi.. Modal yang dimaksudkan adalah perkara-perkara fardu yang telah dipertanggungjawabkan dan perlu disempurnakan, keuntungan pula ialah perkara sunat yang dikerjakannya, manakala kerugian adalah dosa dan maksiat yang telah dilakukannya (Sa'id Hawwa,1995). Berdasarkan amalan muhasabah ini, satu skala penilaian telah dibina bagi mengukur tahap konsistensi diri secara mingguan dan bulanan berdasarkan nilai purata min bagi markah keseluruhan amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap musyaratah seperti ditunjukkan dalam jadual yang berikut;

Jadual 4. Skala penilaian amalan *tazkiyah al-nafs* di tahap Muhasabah

NO.	AMALAN TN (PETUNJUK PRESTASI)	MINGGU 1 (7)							MINGGU 2 (14)							MINGGU 3 (21)							MINGGU 4 (28)									
		Min Markah _____							Min Markah _____							Min Markah _____							Min Markah _____									
		J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K	J	S	A	I	S	R	K			
1	MUSYARATAH (MARKAH TN HARIAN)																															
2.	MUJAHADAH (Tahap Mujahadah)																															
3.	MURAQABAH (Tahap Pengawasan diri)																															
4.	MUHASABAH (Tahap Pencapaian Diri)																															
5.	MU'AQABAH (Proses Islah)																															

Tahap yang terakhir adalah *mu'aqabah* iaitu suatu keadaan seseorang perlu menghukum dirinya sendiri di atas kelalaiannya kerana jiwanya, sekali pun telah dihisab, ia tetap tidak terlepas dari melakukan pelbagai bentuk kemaksiatan serta pengabaian terhadap perintah Allah S.W.T. (Sa'id Hawwa,1995). Bagi memenuhi objektif *tazkiyah al-nafs* di tahap ini, proses mu'aqabah dilaksanakan berdasarkan markah nilai purata min yang diperolehi di peringkat musyaratah dan satu jadual cadangan proses *islah* ditunjukkan seperti yang berikut ;

Jadual 5. Cadangan proses *islah* diri di tahap Mu'aqabah

SKOR	MARKAH	GRED	MU'AQABAH (PROSES ISLAH)
90 – 100	5		CEMERLANG Anda tidak diberi apa – apa bentuk hukuman kerana berjaya di tahap cemerlang dalam proses tazkiyah al-nafs.
80 – 89	4		SANGAT BAIK Anda tidak diberi apa – apa bentuk hukuman kerana berjaya di tahap sangat baik dalam proses tazkiyah al-nafs.
60 – 79	3		BAIK Anda diberi dua hukuman kerana berjaya di tahap sederhana dalam proses tazkiyah al-nafs. Hukuman anda ialah melaksanakan 1) solat sunat tahajjud 2 rakaah 2) menghabiskan bacaan al-Quran 1 juzu'.
50 – 59	2		LULUS Anda diberi tiga hukuman kerana tidak selamat dan sekadar lulus dalam proses tazkiyah al-nafs. Hukuman anda ialah melaksanakan 1) Taubat Nasuha 2) solat sunat tahajjud 2 rakaah dan 3) Menghabiskan al-Quran 1 juzu'.
0 – 49	1		GAGAL Anda diberi empat hukuman kerana gagal dalam proses tazkiyah al-nafs. Hukuman anda ialah 1) taubat Nasuha, 2) menggantikan mana-mana ibadat-ibadat fardu yang tidak sempurna (qada') 3) melaksanakan solat sunat Tahajjud 2 rakaah dan 4) bersedekah.

Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini dapat dijelaskan seperti yang berikut:

1. Untuk mengenalpasti tahap penerimaan modul ini dalam kalangan peserta program latihan spiritual.
2. Untuk mengenal pasti elemen keberkesanan aplikasi modul latihan tazkiyah al-nafs dalam program pembangunan spiritual pelajar.
3. Untuk menilai impak pelaksanaan program latihan tazkiyah al-nafs dalam aspek penambahbaikan modul.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kebolegunaan aplikasi modul latihan tazkiyah al-nafs (MLTN) dilaksanakan berasaskan reka bentuk kajian penerokaan (exploratory research) iaitu suatu pendekatan kajian untuk mengkaji sesuatu isu yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana penyelidik dalam ruang penyelidikan asas (Sabitha Marican, 2006). Sehubungan itu, data – data kajian telah dikumpulkan melalui pendekatan kajian kualitatif iaitu seramai 15 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dan penyelidik adalah sebahagian dari peserta kajian. Data – data kajian telah diperolehi melalui laporan refleksi latihan tazkiyah al-nafs serta dapatan kajian temubual secara bersemuka dengan setiap peserta yang mengikuti modul latihan ini secara konsisten. Data – data kualitatif yang diperolehi telah dianalisis secara induktif bagi menjawab soalan – soalan kajian apakah, bagaimanakah dan sejauhmanakah dalam konteks kajian kualitatif.

DAPATAN KAJIAN

Data-data kualitatif yang dianalisis dalam kajian ini telah dianalisis berdasarkan tema - tema yang telah dikenal pasti melalui pendekatan induktif dan kesimpulan yang dibuat adalah untuk menjelaskan fenomena yang dikaji dengan cara membuat huraian, tafsiran dan perbandingan data di antara jawapan – jawapan responden. Kesimpulan – kesimpulan yang dibuat juga adalah untuk menjawab persoalan apa, mengapa dan bagaimana dalam konteks kajian kualitatif. Data – data tersebut adalah seperti yang berikut;

S.1. Bagaimana penerimaan anda terhadap modul latihan tazkiyah al-nafs?

Berdasarkan jawapan keseluruhan responden, didapati peserta program latihan ini memberi maklum balas yang sangat positif iaitu modul latihan tazkiyah al-nafs dapat diaplikasi dan diterima sepenuhnya oleh peserta. Dapatan ini adalah berdasarkan jawapan – jawapan responden yang berikut ;

- R.1. Program ini sangat bagus dan sentiasa dijalankan secara berterusan dan mempunyai banyak aktiviti kerohanian.
- R.2. al-Hamdulillah, saya amat berpuas hati terhadap program ini kerana pengalaman baru untuk terus istiqamah dalam beribadah.
- R.3. Sangat memuaskan. Mendidik hati saya untuk istiqamah dalam beribadah.
- R.4. Alhamdulillah, program ini boleh diterima dengan baik kerana ia sangat membantu dalam pembentukan spiritual saya.
- R.5. Sangat bermanfaat kepada saya, hati rasa lebih tenang bila datang ke masjid, solat Subuh berjemaah, qiamullail dan solat sunat tasbih.
- R.6. Saya sangat berpuashati dan dapat menerima dengan baik program terutamanya ilmu yang disampaikan oleh Ustaz.

S.2. Adakah modul latihan *tazkiyah al-nafs* ini memberi impak yang tinggi dalam aspek pembangunan spiritual diri anda ?

Secara keseluruhan, peserta – peserta program latihan ini menyatakan bahawa program latihan kerohanian berasaskan modul latihan ini telah memberikan impak yang tinggi dalam aspek pembangunan kerohanian diri mereka. Dapatan ini adalah berdasarkan jawapan responden yang berikut ;

- R.1.** *Ya, sangat memberi kesan iaitu menjadikan saya lebih konsisten dan bersemangat dalam menjalankan rutin harian.*
- R.2.** *Sangat memberi impak kepada diri, keyakinan terhadap amalan dan balasan pahala semakin tinggi, bila dapat tahu ganjarannya.*
- R.3.** *Ya, kerana borang mutabaah amal membuatkan diri saya istiqamah dengan ibadat yang sukar untuk saya lakukan sebelum ini dan menjadi ringan dari semasa ke semasa. Penilaian / pemarkahan amal membuatkan saya bermuhasabah dengan ibadat yang saya lakukan.*
- R.4.** *Ya, dengan amalan – amalan dapat disemak atau muhasabah setiap hari dalam modul latihan Tazkiyah al-Nafs dengan bimbingan dari guru.*
- R.5.** *Sangat memberi impak kepada saya kerana saya menjadi semakin rajin untuk melakukan ibadah sunat.*
- R.6.** *Ya, banyak perubahan positif dalam diri saya.*

S.3. Sejauhmana modul latihan ini berjaya memberikan kemahiran baru. Berikan ulasan anda ?

Jawapan – jawapan yang diberikan oleh responden secara keseluruhannya menunjukkan kekuatan utama modul latihan kerohanian ini adalah setiap peserta mendapat bimbingan ilmu serta kemahiran praktikal dalam pelaksanaan setiap amalan keislaman bagi mempertingkatkan nilai kualiti spiritual. Dapatan ini adalah berdasarkan jawapan – jawapan responden yang berikut ;

- R.1.** *Program ini berbentuk praktikal di mana apa yang dipelajari diaplikasikan dalam ibadat seharian. Program ini membantu saya untuk " keep on track " dengan ibadat yang saya buat setiap hari.*
- R.2.** *Saya dapat mempertingkatkan diri saya dalam pelajaran kerana input yang terdapat dalam program ini banyak memberi kesedaran kepada saya.*
- R.3.** *Banyak ilmu dan kemahiran yang diperolehi terutamanya mengenai ibadah.*
- R.4.** *Saya menjadi lebih berhati – hati dalam melakukan sesuatu perkara dan program ini mampu meningkatkan ibadah yang saya lakukan.*
- R.5.** *Dapat istiqamah menanda amalan harian dalam borang, semakin hari semakin meningkat dan istiqamah.*
- R.6.** *Program ini memberi pendedahan kepada saya tentang agama dengan lebih mendalam dan mempraktik ibadah dengan istiqamah.*

S.4. Sejauhmana ilmu dan pengalaman yang diperolehi dalam modul latihan ini dapat diaplikasikan dalam situasi sebenar.

Jawapan – jawapan yang diberikan oleh responden secara jelas menunjukkan penglibatan guru sebagai *mursyid* merupakan elemen utama keberkesanan modul latihan ini untuk diaplikasikan dalam situasi sebenar seseorang peserta. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan jawapan- jawapan responden yang berikut ;

- R.1.** *Setiap perkara yang dilakukan diniatkan sebagai ibadah kerana Allah SWT.*
- R.2.** *Ilmu terutamanya untuk kerohanian, saya dapat aplikasikan dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Penerimaan saya terhadap pelbagai karenah manusia di UMP.*
- R.3.** *Saya menjadi lebih tenang dan kuat dalam menghadapi hidup saya di sini..*
- R.4.** *Apabila saya buat mu'tabaah amal secara konsisten, saya akan lebih dipermudahkan segala kerja dan melatih saya untuk mengutamakan Allah SWT dalam semua aspek.*
- R.5.** *Dengan istiqamah terhadap amalan- amalan sunat seperti solat Dhuha, tilawah al-Quran dan solat di awal waktu, saya dapat merasakan kemanisan iman dalam beribadah.*
- R.6.** *Ketenangan yang hadir dalam hati, asbab daripada ilmu yang diperolehi sepanjang program membuatkan saya lebih mudah untuk fokus dengan kerja yang saya lakukan setiap hari.*

S.5. Cadangan anda terhadap penambahbaikan aplikasi modul latihan ini dalam aspek pembangunan spiritual.

Jawapan – jawapan yang diberikan oleh responden secara jelas menunjukkan bahawa modul latihan ini perlu dibuat beberapa aspek penambahbaikan dalam usaha memenuhi keperluan pendidikan spiritual peserta. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan jawapan- jawapan responden yang berikut ;

- R.1.** *Diadakan pada setiap minggu agar dapat melatih diri untuk terus konsisten dan untuk memenuhi keperluan rohani iaitu seperti pesanan- pesanan dan amanat yang diberikan oleh Ustaz memberi banyak manfaat kepada diri saya dan rakan – rakan.*
- R.2.** *Saya juga bercadang sekiranya untuk dapat melakukan program ini sebanyak dua kali seminggu sebab saya amat menyukai program ini.*
- R.3.** *Penyemakan " mutaba'ah amal " dengan guru berterusan.*

- R.4.** Dapat keluaran jadual secara tetap bila akan diadakan mengikut tarikh dalam setiap bulan.
- R.5.** Program “ Qiamullail “ (taqarrub ila Allah) dibuat setiap minggu.
- R.6.** Pemantapan program yang sedia ada.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini mendapati modul latihan *tazkiyah al-nafs* (MLTN) yang dibangunkan dapat diaplikasi sebagai program latihan pembangunan spiritual Islam berdasarkan penerimaan peserta secara positif terhadap modul ini. Sehubungan itu, modul ini amat sesuai untuk diaplikasikan dalam bidang latihan kerohanian Islam masa kini kerana setiap amalan keislaman yang dipraktikkan telah dapat mempertingkatkan nilai kualiti spiritual setiap diri peserta yang mengikuti modul latihan ini. Dapatan ini adalah selari dengan landasan kajian ini iaitu pembangunan spiritual berasaskan agama merupakan suatu latihan untuk melaksanakan tuntutan agama yang selari dengan tuntutan keimanan (Nur Khamim, 2016) dan nilai taqwa merupakan unsur utama dalam latihan spiritual seseorang (Majhabeen Ahmad, 2016). Sehubungan itu, latihan *tazkiyah al-nafs* melalui modul ini dapat diaplikasikan untuk menilai tahap pencapaian diri seseorang peserta dalam aspek pembangunan spiritual berasaskan dimensi amalan *musyaratah*, *mujahadah*, *muraqabah*, *muhasabah* dan *mu'aqabah*.

Dapatan kajian juga menunjukkan elemen utama keberkesanan modul latihan ini adalah setiap peserta dapat menjalani latihan ini secara konsisten berikutan program latihan ini dilaksanakan secara praktikal agar peserta dapat memahami pelaksanaan setiap amalan *tazkiyah al-nafs*. Dalam aspek ini, penglibatan guru sebagai *mursyid* merupakan satu faktor utama yang menentukan keberkesanan modul latihan ini. Ini kerana, tugas seorang *mursyid* adalah untuk menilai tahap konsistensi setiap amalan keislaman peserta di tahap *musyaratah* serta membimbing mereka dalam menjalani proses memperbaiki diri di tahap *mu'aqabah*. Dapatan kajian ini adalah selari dengan tinjauan literatur kajian ini iaitu keperluan dan peranan guru sebagai *mursyid* dalam latihan spiritual adalah untuk membimbing seseorang murid mengendalikan hawa nafsu melalui proses *mujahadah* secara konsisten (M, Akmansyah, 2015). Konsistensi pula merupakan suatu aspek yang menentukan tahap kejayaan latihan spiritual seseorang peserta dalam satu tempoh masa yang ditetapkan (Gavin Picken, 2011). Tujuannya adalah agar seseorang peserta latihan ini dapat mengaplikasikan modul latihan ini dalam situasi yang sebenar serta dapat memenuhi objektif latihan spiritual iaitu seseorang berupaya untuk meningkatkan nilai kesejahteraan diri, menangani gejala tekanan jiwa, menyelesaikan masalah serta pembentukan disiplin diri (Finney, 1998).

Dalam aspek penambahbaikan modul, kajian ini mendapati modul latihan ini perlu dibuat penambahbaikan dalam dua perkara utama iaitu penilaian secara berterusan oleh *mursyid* bagi menilai tahap konsistensi diri peserta dan aspek praktikal program latihan ini perlu dipertingkatkan kekerapannya bagi memenuhi salah satu kriteria latihan *tazkiyah al-nafs* iaitu aspek *riyadah al-nafs* yang menghendaki agar seseorang melaksanakan latihan jiwa ke arah kebaikan secara berperingkat, daripada sesuatu yang ringan kepada berat sehingga mencapai satu keadaan di mana perkara - perkara yang berat menjadi ringan (Salasih Hanim Hamjah, 2016). Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa modul latihan *tazkiyah al-nafs* (MLTN) ini amat sesuai untuk diaplikasi sebagai modul latihan kerohanian Islam dalam program latihan pembangunan spiritual pelajar masa kini. Bagi tujuan ini, modul ini akan terus diperbaiki dan dibuat penambahbaikan seperti yang dinyatakan di atas agar ia dapat memenuhi pembangunan latihan kerohanian masa kini.

RUJUKAN / REFERENCES

- Abū Bakr al-Jazā'irī (t.t.), Minhāj al-Muslim. Qāhirah : Dār al-Salām.
- Aminah Ahmad et.al.(2014).Reducing Deviant Behavior through Workplace and Job Satisfaction. Journal of Asian Sciences, Vol.10, No. 19.
- Che Zarrina et.al. (2017). Peranan Spiritual Dalam Rawatan Paliatif. Jurnal Afkar. Vol. 19, Issue 2.
- Faizatul Najihah et.al. (2015). Nilai- Nilai Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali. International Journal Of Islamic and Civilizational Studies.
- Finney, J.R., & Maloney, H.N (1985), Emperical Studies of Christian Prayer. A Review of the literature. Journal of Psychology and Theology, 13,104-115.
- Gavin Picken (2011), Spiritual Purification in Islam. New York : Routledge.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi et.al. (2014). Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual : Kajian Kes Di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur. Jurnal Syariah. Jil 22, Bil. 1.
- M. Akmansyah (2015). Konsistensi Guru (Mursyid) Dalam Pendidikan Spiritual, Perspektif Abu Hamid Al-Ghazali. Jurnal Pendidikan Islam, Volume 6, November 2015.
- Mahjabeen Ahmad et.al. (2016). A Model of Spirituality for Ageing Muslims. Journal of Relig Health.
- Md Noor Saper et.al. (2016). The Effects of Guidance Module In Islamic Perspective On The Religiosity Among Students With Misbehaviour Issues. Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah.
- Mohd.Suhardi et.al. (2018). Pembangunan Kerohanian Menurut Model Tazkiyah al-Nafs al-Ghazali : Aplikasi Dalam Pelaksanaan Program Tarbiah di Asrama Sekolah- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Pulau Pinang. 6th International Conference in Islamic Education 2016, Grand Riverview Hotel, Kota Bharu.
- Norfadilah et.al. (2014). Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini. e-Proceeding of The International Conference Of Intergration Knowledge. Bandung.

- Nur Khamim (2016). Pemikiran Danah Zohar dan Ian Marshall Tentang Kecerdasan Spiritual Dalam Perspektif Pendidikan Agama Islam, *Attaqwa, Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 12, No. 1.
- Raphael M. Bonelli et. al. (2013). Mental Disorders, Religion and Spirituality 1990 to 2010: A Systematic Evidence-Based Review. *Journal Relig Health*.
- Rohana Hamzah (2010). Spiritual Education Development. *International Journal of Islamic and Arabic Education*.
- Sabitha Marican (2009), *Penyelidikan Sains Sosial, Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves : Edusystem Sdn. Bhd.
- Sa'id Hawwā (1995). *al-Mustakhlās Fi Tazkiyah al-Nafs*. Qāhirah: Dar al-Salām.
- Salasiah Hanin Hamjah (2007), *Riyadah al-Nafs menurut al-Ghazali dan Aplikasinya Dalam Kaunseling di PK MAINS*, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 26.
- Sharon Lee (2009), *Conflicts of Consciences*. Tesis Sarjana Undang– Undang. McGill University, Montreal.
- Zakaria Stapa (1995) *Akhlak dan Tasawwuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa (2001) *Insan Kamil : Ciri dan Proses Pembentukan*. *Jurnal AFKAR*. Bil.2/2001
- Zidni Nuran Noordin et.al. (2017). *Perbandingan Proses Tazkiyah al-Nafs Menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim*. *Jurnal al-Turath*.